Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001322
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1322

Keberkesanan Kaedah *Flipped Classroom* Terhadap Amalan Pemikiran Aras Tinggi Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah

(Effectiveness of Flipped Classroom Teaching Method on Students' High Order Thinking Skill in History Subject)

Loh Ming Wen[1*], Abdul Razaq Ahmad[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: p105263@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: razaq@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Loh Ming Wen
(p105263@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Flipped classroom
Keberkesanan
Murid
Sejarah
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

KEYWORDS:
Flipped classroom
Effectiveness
Students
History
Higher Order Thinking Skills

CITATION:
Loh, M. W. & Abdul Razaq Ahmad. (2022). Keberkesanan Kaedah *Flipped Classroom* Terhadap Amalan Pemikiran Aras Tinggi Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001322. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1322

ABSTRAK

Pada abad ke-21 ini, teknologi telah memainkan peranan yang sangat penting dalam semua bidang termasuklah bidang pendidikan. Perkembangan teknologi yang semakin pesat telah menjadikan kaedah pengajaran konvensional yang berpusatkan guru sudah menjadi tidak relevan dengan peredaran semasa. Lantaran itu, pendekatan *flipped classroom* yang merupakan kaedah pengajaran "membalik" kaedah pengajaran tradisional telah diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam fasa pertama PPPM 2015-2025. Kajian kuasi eksperimen ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah pengajaran *flipped classroom* dalam meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) murid bagi mata pelajaran Sejarah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah set soal selidik. Seramai 72 orang murid dari sebuah sekolah rendah di daerah Bintulu, Sarawak telah dipilih sebagai sampel kajian. Data telah dianalisis secara deskriptif dan ujian t juga dijalankan. Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dengan kata lain, kaedah pengajaran *flipped classroom* telah berjaya meningkatkan KBAT dalam kalangan murid. Selain itu, keputusan ujian t juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap KBAT dalam kalangan murid dari segi jantina. Secara umumnya, kajian ini telah memberi kesedaran kepada guru-guru Sejarah sekolah rendah tentang keberkesanan kaedah pengajaran *flipped classroom*.

ABSTRACT

In the 21st century, technology has played a vital role in all fields including education. The rapid development of technology has made conventional teacher-centered

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

teaching methods irrelevant to the current situation. Therefore, the flipped classroom approach which is a teaching method to "reverse" the traditional teaching method has been emphasized by the Ministry of Education Malaysia (MOE) in the first phase of PPPM 2015-2025. The aim of this quasi-experimental study is to identify the effectiveness of flipped classroom teaching method in improving students' Higher Order Thinking Skills (HOTS) for the History subject. The instrument used in this study was a set of questionnaires. A total of 72 students from a primary school in Bintulu district, Sarawak were selected as the study sample. Data were analyzed descriptively and an inferential t test was also conducted. Data analysis was conducted using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26. The findings showed that there were significant differences between the controlled group and the treatment group. In other words, flipped classroom teaching method has successfully increased HOTS among students. In addition, the results of t test also showed that there was no significant difference in the level of HOTS among students in terms of gender. In general, this study has given awareness to primary school History teachers about the effectiveness of flipped classroom teaching method.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menyumbangkan kepada literatur yang sedia ada kerana kebanyakan kajian-kajian lepas hanya berfokuskan kepada keberkesanan kaedah pengajaran *flipped classroom* terhadap murid-murid sekolah menengah bagi mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* turut sesuai bagi murid-murid sekolah rendah.

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan medium yang paling penting untuk memastikan kemajuan dan pembangunan sebuah negara. Hal ini demikian kerana sistem pendidikan yang berkualiti dapat melahirkan insan yang berdaya saing pada peringkat global. Sehubungan itu, bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara kita agar setanding dengan negara-negara maju, pihak KPM juga telah menyemak, memantau dan mengemas kini kurikulum yang sedia ada (Puteh & Meerah, 2011). Selaras dengan usaha KPM, pada tahun 2011, KPM telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Dalam KSSR, KPM telah memperkenalkan mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tahap dua. Bagi memastikan pendidikan Sejarah murid sekolah rendah relevan dengan keadaan semasa, pihak KPM telah membuat semakan semula terhadap mata pelajaran Sejarah Tahun 4 pada tahun 2017. Pada masa yang sama, KPM turut berusaha untuk menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pendidikan negara kita dalam usaha melahirkan warganegara yang berinovatif bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit.

Walau bagaimanapun, kajian Ahmad dan Jinggan (2015) menjelaskan bahawa kebanyakan murid menghadapi masalah untuk memahami dan menghayati konsep-konsep sejarah yang terdapat dalam buku teks. Bukan itu sahaja, kajian Wiersma (2008)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pula menjelaskan bahawa guru-guru Sejarah menghadapi kesukaran untuk menyediakan bahan pengajaran yang sesuai dengan tahap murid. Keadaan ini telah mengakibatkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan dalam kelas menjadi kaku, kurang daya kreatif dan imaginasi (Ahmad et al., 2017; Jaafar & Noor, 2016). Dengan kata lain, kaedah pengajaran guru Sejarah yang kaku telah mengehadkan pengetahuan sejarah murid kerana mereka tidak diberi peluang untuk meneroka ilmu-ilmu tambahan yang tidak terdapat dalam buku teks. Keadaan ini secara tidak langsung mengehadkan KBAT murid dalam pembelajaran Sejarah. Hal ini demikian kerana proses pembelajaran yang kaku adalah bersifat *reproductive*, iaitu melatih pelajar-pelajar untuk menghafal fakta sejarah dan seterusnya memuntahkan semula fakta tersebut semasa menjawab soalan peperiksaan (Usha & Vijayaletchumy, 2019).

Menyedari masalah-masalah yang dihadapi dalam pembelajaran Sejarah, KPM telah berusaha untuk melaksanakan beberapa transformasi dari segi pendekatan dan pengajaran dengan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Hal ini demikian kerana pengimplementasian TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dapat memberi nafas baharu kepada mata pelajaran ini yang sering dianggap sebagai "*dead curriculum*" (Salleh, 2016). Hal ini adalah selaras dengan pendapat Hanif (2020) yang menjelaskan bahawa pengintegrasian TMK dalam pendidikan adalah sangat sesuai dengan pendidikan masa kini kerana kaedah pengajaran ini membolehkan pembelajaran dijalankan secara segerak (*synchronously*) iaitu pada masa yang sama atau secara tidak segerak (*asynchronously*), iaitu pada masa yang berbeza tanpa mengira tempat. Dengan kata lain, pengajaran dan pembelajaran berasaskan TMK dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan di samping dapat meningkatkan lagi kualiti pendidikan Sejarah di negara kita.

Sehubungan itu, kaedah pengajaran *flipped classroom* yang berteraskan teknologi merupakan satu kaedah pengajaran yang mampu menyokong pembelajaran abad ke-21 dapat diterapkan dalam pengajaran Sejarah. Kaedah pengajaran *flipped classroom* merupakan pengajaran yang berpusatkan murid yang melibatkan dua fasa pengajaran dan pembelajaran, iaitu secara bersemuka dan e-pembelajaran di luar bilik darjah (Bahador, Kasri & Ibrahim, 2019; Emparan, Radhiah & Baki, 2019). Walaupun terdapat banyak kajian lepas telah menunjukkan bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* telah memberi kesan yang positif terhadap proses pembelajaran pelajar, namun masih terdapat jurang antara kajian-kajian tentang keberkesanaan kaedah *flipped classroom* terhadap (KBAT) dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah pengajaran *flipped classroom* terhadap amalan KBAT dalam kalangan murid bagi mata pelajaran Sejarah.

1.1. Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif yang ingin dicapai, iaitu:

i. Mengenal pasti tahap perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra.
ii. Mengenal pasti tahap perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos.
iii. Mengenal pasti tahap perbezaan amalan KBAT dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan ujian pos dari segi jantina.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1.2. Persoalan Kajian

i. Adakah terdapat perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra?
ii. Adakah terdapat perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos?
iii. Adakah terdapat perbezaan amalan KBAT dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan ujian pos dari segi jantina?

1.3. Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis nol telah dibina dalam kajian ini, iaitu:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan KBAT dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan bagi ujian pos dari segi jantina.

2. Sorotan Literatur

2.1. *Flipped Classroom*

Menurut Lage, Platt dan Treglia (2000) *flipped classroom* adalah dikenali sebagai kelas terbalik. Manakala Missildine et al. (2013) pula menjelaskan bahawa *flipped classroom* dikenali sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran teradun (*blended learning)* atau kaedah hybrid. Hal ini bermakna kaedah pengajaran *flipped classroom* membolehkan murid-murid belajar di luar bilik darjah manakala pembelajaran dalam bilik darjah lebih berfokuskan kepada aktiviti yang dirancang oleh guru. Dengan kata lain, kaedah pengajaran ini melibatkan dua fasa pembelajaran dengan membalikkan pembelajaran tradisional yang berlaku dalam bilik darjah kini berlaku di luar waktu pembelajaran dan sebaliknya. Dengan ini, murid-murid berpeluang untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dalam kelas, manakala guru tidak lagi berperanan untuk menyampaikan ilmu dalam bilik darjah. Sebaliknya, guru akan bertindak sebagai fasilitator untuk memberi bimbingan kepada murid yang lemah dalam pembelajaran (Isaias, 2018).

Kajian-kajian yang dijalankan di luar negara menunjukkan bahawa kaedah pengajaran ini sangat berkesan dan dapat meningkatkan pencapaian murid (Erdogan & Akbaba, 2018; Erol, 2019). Hal ini terbukti apabila kajian Latif et al. (2017) yang dijalankan di negara Brunei menunjukkan bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* telah berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam peperiksaan. Kajian Aidinopoulou dan Sampson (2017) terhadap 100 orang murid sekolah di Portugis juga mendapati bahawa kaedah pengajaran ini dapat meningkatkan KBAT murid dalam pembelajaran Sejarah. Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran *flipped classroom* yang melibatkan dua fasa pembelajaran telah memberi peluang kepada murid untuk memahami sesuatu tajuk pembelajaran sebelum kelas bersemuka diadakan (Aidinopoulou & Sampson, 2017).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dengan kata lain, keadah pengajaran ini membolehkan murid lebih bersedia sebelum kelas. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap sesuatu tajuk pengajaran yang disampaikan oleh guru. Bukan itu sahaja, kajian Bursa dan Kose (2020) pula menunjukkan bahawa tontonan video pengajaran yang disediakan oleh guru di luar waktu pembelajaran dapat meningkatkan pemahaman murid kerana mereka dapat menonton video tersebut secara berulang kali sehingga mereka mempunyai pemahaman yang mendalam tentang topik yang dipelajari.

Di samping kajian-kajian luar negara, terdapat juga beberapa kajian dalam negara telah membuktikan bahawa kaedah *flipped classroom* memberi impak yang positif terhadap proses PdPc sejarah. Kajian Kaviza (2019) telah menunjukkan bahawa pelaksanaan kelas *flipped classroom* dengan sumber digital dalam mata pelajaran Sejarah telah berjaya meningkatkan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) pelajar tingkatan satu. Hal ini demikian kerana kaedah *flipped classroom* telah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaitkan fakta-fakta sejarah yang dipelajari dengan KPS. Bukan itu sahaja, kajian Yusof dan Halim (2019) juga mendapati bahawa kaedah *flipped classroom* telah memberi kesan yang positif terhadap gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar. Hal ini demikian kerana kaedah *flipped classroom* dapat mewujudkan pembelajaran yang fleksible yang mana pelajar boleh belajar mengikut kemampuan mereka sendiri. Oleh itu, dalam konteks kajian, pengkaji akan mengkaji keberkesanan kaedah pengajaran *flipped classroom* terhadap KBAT murid sekolah rendah.

2.2. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Menurut Schraw, McCrudden, Lehman, Hoffman (2011) Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah proses mental untuk membuat penaakulan, menyelesaikan masalah dan berfikir secara kritis. Dari perspektif pendidikan Malaysia pula, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menjelaskan bahawa Kemahiran Berfikir Aras Tinggi merupakan keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai semasa membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi, membuat keputusan, berinovasi serta mempunyai keupayaan untuk mencipta sesuatu yang baharu. Dalam pendidikan Sejarah, KBAT membolehkan murid lebih memahami perisitwa-peristiwa masa lampau dan bukan hafalan fakta semata-mata. Hal ini adalah selaras dengan kajian Mahzan, Razaq dan Syazwani (2019) yang menjelaskan bahawa pengajaran berasaskan KBAT dapat membantu murid meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah seperti memahami kronologi, meneroka bukti, dan membuat interpretasi, imaginasi serta rasionalisasi. Walau bagaimanapun kajian Tamdjis dan Ahmad (2017) terhadap 54 orang murid sekolah menengah mendapati bahawa kemahiran untuk menjawab soalan berbentuk KBAT masih berada pada tahap yang sederhana sahaja.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk merealisasikan hasrat KPM untuk melahirkan warganegara berinovatif dan kreatif di samping menghayati sejarah negara, maka guru Sejarah haruslah mencari alternatif kaedah pengajaran yang terbaik. Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran guru memainkan peranan yang penting untuk melahirkan murid yang mampu menjana pemikiran aras tinggi. Kajian Ashmad (2018) yang dijalankan terhadap 200 orang murid Tingkatan Empat di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap KBAT dalam kalangan murid. Kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Rifin, Ahmad dan Othman (2021) yang mendapati bahawa

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kesediaan guru untuk menerapkan pengajaran berteraskan KBAT dapat meningkatkan kemahiran-kemahiran murid untuk menjawab soalan berbentuk KBAT.

Parimaladevi dan Ahmad (2019) pula berpendapat bahawa dalam pendidikan abad ke-21, seseorang guru harus mengimplementasikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan pengajaran berpusatkan murid dalam usaha menerapkan amalan KBAT dalam kalangan murid. Keadaan ini secara tidak langsung dapat melatih murid untuk mengamalkan amalan KBAT dalam pembelajaran mereka. Manakala kajian Mupin et al. (2019) yang menjelaskan bahawa guru Sejarah harus bersikap lebih kreatif dan kritis, proaktif, dan reflektif dalam usaha menerapkan amalan KBAT dalam pengajaran Sejarah. Hal ini penting untuk mengubah persepsi murid terhadap mata pelajaran Sejarah ialah mata pelajaran yang membosankan (Ofianto & Ningsih, 2021; Wijayasari, Kurniawati & Winarsih, 2020).

Dalam konteks kajian ini, amalan KBAT merujuk kepada kemahiran mengaplikasikan, menganalisis dan menilai bagi mengenal pasti keupayaan seseorang murid menerapkan unsur KBAT dalam pembelajaran Sejarah. Amalan KBAT dalam kajian ini dinilai menggunakan satu set borang soal selidik yang merangkumi tiga elemen penting dalam KBAT, iaitu aplikasi, analisis, dan menilai dalam proses pembelajaran Sejarah.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen yang bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah *flipped classroom* terhadap amalan pemikiran aras tinggi murid bagi mata pelajaran Sejarah. Menurut Chua (2011), kajian eksperimen merupakan kaedah kajian yang sangat sesuai dan berkesan dipraktikkan untuk memperoleh maklumat tentang keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran yang baharu.

3.1. Lokasi dan Sampel Kajian

Sampel kajian kuasi eksperimen ini terdiri daripada murid-murid Tahun 6 di sebuah sekolah rendah yang terletak di daerah Bintulu, Sarawak. Daripada 90 orang murid, seramai 72 orang murid telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Namun begitu, pemilihan sampel bukanlah secara rawak tetapi mengikut kelas yang telah ditetapkan oleh pentadbir sekolah. Sampel-sampel kajian adalah terdiri daripada murid-murid yang berada dalam dua buah kelas Tahun 6 yang diajar oleh pengkaji. Murid-murid ini terdiri daripada dua kumpulan yang hampir sama tahap pencapaian mereka. Kumpulan kawalan diajar oleh pengkaji selama 10 minggu dengan menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang berpusatkan guru, manakala kumpulan rawatan pula diajar oleh pengkaji menggunakan kaedah *flipped classroom*. Kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 36 orang murid, iaitu 21 orang (58.3%) murid lelaki dan 15 orang (41.7%) murid perempuan masing-masing.

3.2. Instrumen kajian

Instrumen soal selidik dalam kajian kuasi eksperimen ini dibina bagi mendapatkan maklumat sampel kajian tentang amalan KBAT Sejarah dari aspek aplikasi, analisis, dan menilai dalam pembelajaran Sejarah. Secara umumnya, soalan soal selidik ini dibina berdasarkan kemahiran berfikir yang dicadangkan oleh Anderson dan Krathwohl (2001) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Soalan soal selidik skala likert ini adalah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diadaptasi daripada soal selidik yang digunakan dalam kajian Dahalan (2020). Untuk tujuan kesahan soal selidik, item-item yang digunakan telah dirujuk kepada tiga orang pakar dalam bidang yang merupakan pensyarah pendidikan Sejarah daripada Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Institusi Pendidikan Guru serta Guru Cemerlang Sejarah. Terdapat lima skala likert yang digunakan dalam soal selidik ini, iaitu 1. Sangat tidak menguasai, 2. Tidak menguasai, 3. Tidak pasti, 4. Menguasai dan 5. Sangat menguasai.

3.3. Kajian Rintis

Bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan setiap item dalam instrumen soal selidik, satu set kajian rintis telah dijalankan. Tujuan kajian rintis diadakan adalah untuk memantapkan setiap item yang diguna pakai agar dapat menjangkakan masalah awal yang timbul yang perlu ditangani sebelum menjalankan ujian sebenar (Baba & Mohamad, 2018). Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan kajian rintis yang melibatkan 30 orang murid sekolah rendah dipilih secara rawak salah sebuah kelas yang diajar oleh pengkaji.

Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa instrumen kajian bagi amalan kemahiran aplikasi ialah (Cronbach's Alpha= 0.948), manakala instrumen kajian bagi amalan analisis pula ialah (Cronbach's Alpha= 0.882) dan instrumen kajian bagi amalan kemahiran menilai ialah (Cronbach's Alpha= 0.893). Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa kesemua instrumen kajian adalah lebih daripada 0.70, iaitu berada pada tahap yang sangat baik. Hal ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan hasil data yang diperolehi adalah lebih tepat dan boleh dipercayai.

4. Hasil Kajian

4.1. Tahap perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra

Berdasarkan ujian Shapiro-Wilk yang dijalankan didapati data dalam kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan berdasarkan ujian pra adalah bertabur secara normal. Manakala ujian *Lenene's* pula telah membukti varian bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam ujian pra adalah sama. Jadual 1 menunjukkan analisis Ujian T Tidak Bersandar perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra.

Jadual 1: Ujian T Tidak Bersandar perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra

	Kumpulan	N	Min	SP	t	df	Sig
Tahap Amalan KBAT	Kumpulan Kawalan	36	2.64	0.22	-1.34	70	0.184
	Kumpulan rawatan	36	2.73	0.32			

Berdasarkan Jadual 1, didapati kumpulan kawalan mempunyai min amalan KBAT ialah (M = 2.64, SP = 0.22, iaitu lebih rendah berbanding kumpulan rawatan (M = 2.73, SP = 0.32). Walaupun skor min bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi daripada kumpulan kawalan, namun tetap dapat dirumuskan bahawa skor min amalan KBAT dalam kalangan responden bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

adalah berada pada tahap yang sederhana. Manakala ujian T Tidak Bersandar amalan KBAT murid bagi aspek aplikasi, analisis dan menilai dalam pembelajaran Sejarah adalah tidak signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa hipotesis nul pertama (Ho1) adalah gagal ditolak, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan KBAT dalam pembelajaran Sejarah dari aspek aplikasi, analisis dan menilai dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra. Hal ini telah membuktikan bahawa murid dalam kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan mempunyai tahap pengetahuan dan amalan KBAT yang sama.

4.2. Tahap perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos

Berdasarkan ujian Shapiro-Wilk yang dijalankan didapati data dalam kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan berdasarkan ujian pra adalah bertabur secara normal. Manakala ujian Lenene's pula telah membukti varian bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah sama. Jadual 2 pula menunjukkan analisis Ujian T Tidak Bersandar perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos.

Jadual 2: Ujian T Tidak Bersandar perbezaan amalan KBAT dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos

	Kumpulan	N	Min	SP	t	df	Sig
Tahap Amalan KBAT	Kumpulan Kawalan	36	2.91	0.63	-4.61	70	0.00
	Kumpulan rawatan	36	3.61	0.65			

Berdasarkan Jadual 2, didapati kumpulan kawalan mempunyai min amalan KBAT ialah (M = 2.91, SP = 0.63, iaitu lebih rendah berbanding kumpulan rawatan (M = 3.61, SP = 0.65). Justeru, dapat dirumuskan bahawa skor min amalan KBAT dalam kalangan responden kumpulan kawalan adalah berada pada tahap yang rendah manakala skor min amalan KBAT dalam kalangan responden kumpulan rawatan adalah berada pada tahap yang tinggi. Manakala dapatan ujian T Tidak Bersandar amalan KBAT murid bagi aspek aplikasi, analisis dan menilai dalam pembelajaran Sejarah ialah (t (70) =-4.61, p.= 0.00 $p<0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa hipotesis nul kedua (Ho2) adalah ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan amalan KBAT dalam pembelajaran Sejarah dari aspek aplikasi, analisis dan menilai dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos.

4.3. Tahap perbezaan amalan KBAT dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan ujian pos dari segi jantina

Berdasarkan ujian Shapiro-Wilk yang dijalankan didapati data dalam kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan berdasarkan ujian pra adalah bertabur secara normal. Manakala ujian Lenene's bagi amalan KBAT pula telah membukti varian bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah sama. Jadual 3 pula menunjukkan analisis Ujian t Tidak Bersandar perbezaan amalan KBAT dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan dalam ujian pos daripada segi jantina.

Berdasarkan Jadual 3, didapati murid lelaki dalam kumpulan kawalan mempunyai min amalan KBAT ialah (M = 3.62, SP = 0.69, iaitu lebih tinggi berbanding murid perempuan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dalam kumpulan rawatan (M = 3.60, SP = 0.60). Walaupun skor min bagi murid lelaki adalah lebih tinggi daripada murid perempuan, namun tetap dapat dirumuskan bahawa skor min amalan KBAT bagi kedua-dua murid lelaki dan murid perempuan adalah berada pada tahap yang tinggi. Manakala ujian T Tidak Bersandar amalan KBAT murid bagi aspek aplikasi, analisis dan menilai dalam pembelajaran Sejarah adalah tidak signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa hipotesis nul ketiga (Ho3) adalah gagal ditolak, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan KBAT dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan bagi ujian pos dari segi jantina.

Jadual 3: Ujian T Tidak Bersandar perbezaan amalan KBAT dalam kalangan murid bagi kumpulan rawatan dalam ujian pos daripada segi jantina

	Jantina	**N**	**Min**	**SP**	**t**	**df**	**Sig**
Tahap Amalan KBAT	Lelaki	21	3.62	0.69	0.09	34	0.923
	Perempuan	15	3.60	0.60			

5. Perbincangan Kajian

Kedua-dua kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan amalan KBAT bagi kedua-dua Hal ini menunjukkan bahawa tahap amalan KBAT bagi sampel dalam kedua-dua kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah hampir sama. Dengan kata lain, sampel dalam kedua-dua kumpulan ini adalah bersifat homegen. Menurut Cohen et al. (2017) sifat homogenous dalam kalangan responden dalam kajian kuasi eksperimen adalah sangat penting bagi memastikan dapatan kajian yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Chua (2011) pula menjelaskan bahawa murid dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan haruslah mempunyai tahap kognitif yang hampir sama semasa menjalankan kajian eksperimen bagi mengelakkan unsur bias.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* yang berpusatkan murid amat berkesan untuk meningkatkan amalan KBAT Sejarah dalam kalangan murid berbanding dengan kumpulan murid yang diajar menggunakan keadah pengajaran konvensional yang berteraskan *chalk and talk*. Hal ini adalah selaras dengan kajian Kaviza (2020) yang turut menjelaskan bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid dengan menghubung jalinkan pemikiran mereka dengan Kemahiran Pemikiran Sejarah yang merangkumi lima konstruk yang utama, iaitu kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi.

Selain itu, analisis amalan KBAT dari aspek menilai turut mendapati bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* telah membantu murid menilai, menghubungkaitkan, merumuskan dan membahaskan sesuatu tajuk pembelajaran yang berkaitan. Hal ini adalah sokong oleh Rahmelina et al. (2019) yang menjelaskan bahawa kaedah pengajaran yang berpusatkan murid dapat merangsang kemahiran berfikir murid untuk memberi justifikasi terhadap pandangan yang diberikan sewaktu perbincangan dalam kelas. Dengan kata lain, kaedah pengajaran ini dapat melatih murid untuk berfikir pada aras tinggi sehingga tahap menilai.

Di samping itu, analisis amalan KBAT dari aspek analisis turut mendapati bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* telah membantu murid untuk memetakan,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengklasifikasikan, menyusur galur, mengkategorikan, membanding bezakan dan memperincikan peristiwa-peristiwa Sejarah yang dipelajari dalam bilik darjah. Hal ini adalah selari dengan kajian Masri dan Mohamod (2020) yang menjelaskan bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* yang melibatkan dua fasa pembelajaran membolehkan murid lebih memahami sesuatu tajuk yang ingin diajar oleh guru dan seterusnya membolehkan mereka untuk menganalisis isi-isi pembelajaran secara terperinci. Kaedah pengajaran ini dapat melatih murid untuk berfikir menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (Bahador, Kasri & Ibrahim, 2019; Erdogan & Akbaba, 2018). Sehubungan itu, kaedah pengajaran *flipped classroom* didapati amat berkesan digunakan dalam proses pembelajaran Sejarah bagi mengubah persepsi murid terhadap mata pelajaran Sejarah yang sering dianggap sebagai mata pelajaran yang membosankan.

Bukan itu sahaja, kajian ini juga telah membuktikan kaedah pengajaran ini adalah sesuai untuk kedua-dua jantina perempuan dan lelaki. Hal ini adalah selaras dengan kajian Talib et al. (2019) dan Nanang, Rahman dan Surat (2021) yang menjelaskan bahawa kaedah pengajaran guru tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan amalan KBAT dalam kalangan murid dari segi jantina. Hal ini demikian kerana kajian ini menjelaskan bahawa faktor utama yang mempengaruhi amalan KBAT dalam pembelajaran ialah faktor keluarga, faktor sekolah, dan faktor guru. Faktor keluarga yang dinyatakan dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang keluarga murid. Murid yang berasal dari keluarga yang lebih berada mempunyai amalan KBAT yang lebih baik kerana kebanyakan mereka didapati mendapat pendidikan yang lebih baik memandangkan ibu bapa mereka mampu menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti kelas tambahan yang diadakan di luar waktu persekolahan (Olufemi, Adediran & Oyediran 2018). Seterusnya, faktor sekolah pula merujuk kepada sekolah yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dan bahan bantu mengajar yang mencukupi juga mampu meningkatkan amalan KBAT murid, manakala faktor guru pula merujuk kepada kaedah pengajaran guru yang berkesan untuk merangsang kemahiran berfikir murid. Dengan kata lain, kaedah pengajaran ini adalah berkesan untuk meningkatkan amalan KBAT murid tanpa mengira jantina murid.

Walau bagaimanapun, kajian Latif et. al (2017) menjelaskan bahawa kaedah pengajaran *flipped classroom* mempunyai beberapa kekangan. Antaranya termasuklah guru terpaksa menghabiskan lebih banyak masa untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran seperti dalam bentuk video. Hal ini adalah selari dengan kajian Erol (2019) yang menjelaskan bahawa kekangan masa dan kemahiran guru untuk menyediakan bahan-bahan pengajaran merupakan masalah utama dalam kaedah pengajaran *flipped classroom*. Namun begitu, dengan latihan-latihan dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak KPM telah berjaya mengatasi masalah ini. Dengan kata lain, kaedah pengajaran *flipped classroom* adalah amat sesuai digunakan dalam dunia pendidikan pada hari ini kerana dapat memberi manfaat kepada semua murid tanpa mengira jantina.

6. Kesimpulan

Mata pelajaran Sejarah merupakan satu mata pelajaran yang penting untuk mendidik dan melahirkan modal insan yang bersemangat patriotik serta cinta akan negara. Oleh itu, guru sebagai agen perubahan haruslah memainkan peranan yang penting bagi menanam dan memupuk semula semangat patriotik dalam diri murid sekolah. Guru Sejarah haruslah melakukan perubahan amalan pedagogi pengajaran daripada kaedah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengajaran yang berpusatkan guru kepada kaedah pengajaran yang berpusatkan murid. Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran yang berpusatkan murid membolehkan murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dan seterusnya dapat merangsang kemahiran berfikir mereka (Kaviza, 2019). Bukan itu sahaja, kaedah pengajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Sejarah juga membolehkan murid mendalami dan menghayati sesuatu peristiwa yang pernah berlaku di negara kita kerana mereka tidak dilatih untuk menghafal fakta-fakta sejarah, sebaliknya mereka akan dididik untuk memahami sejarah.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia harus melaksanakan satu anjakan paradigma kaedah pengajaran dan pendekatan yang boleh digunakan dalam pendidikan Sejarah seperti menerapkan kaedah pengajaran *flipped classroom* dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Hal ini demikian kerana kaedah pengajaran *flipped classroom* bukan sahaja berteraskan kaedah pengajaran berpusatkan murid, malah kaedah pengajaran ini juga adalah menepati keperluan pendidikan semasa, iaitu berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi. Keadaan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara kita. Kaedah pengajaran *flipped classroom* yang dijalankan terhadap murid dalam kumpulan rawatan selama 10 minggu telah membuktikan bahawa kaedah pengajaran ini mampu memberi kesan yang positif kepada tahap pencapaian murid dan meningkatkan amalan KBAT murid bagi mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, kaedah pengajaran ini boleh digunakan pada semua peringkat persekolahan dalam mata pelajaran Sejarah agar dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan warganegara yang berjati diri dan bersemangat patriotik.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan

Rujukan

Ahmad N. A., Ahmat, N., Zainuddin, M. Z. & Yusof, S. N. W. N. (2017). Pembaharuan Teknik Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Subjek Sejarah dan Tamadun Melalui Aplikasi Teknologi Kreatif Keperluan Masa Hadapan. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, hlm 176-182.

Ahmad, A. & Jinggan, N. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 3*(2), 1-11.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Aidinopoulou, V. & Sampson, D.G. (2017). An Action Research Study from Implementing the Flipped ClassroomEducational Technology & Societ Model in Primary School History Teaching and Learning. *Educational Technology & Society, 20*(1), 237-240.

Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching and Assesing; A Revision of Bloom's Taxonomy of Education Objectives.* Addison Wesley Lonman Inc.

Ashmad, T. B. A. (2018). Pengaruh Pengajaran Guru dan Sikap Akademik Pelajar Terhadap KBAT dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 161-169.

Baba, M. & Mohamad, A. R. (2018). Pengaruh Kepimpinan Distributif Terhadap Efikasi Kolektif Guru Dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). *Proceeding of 3rd International Conference on Education, Islamic Studies and Social Science Research*, hlm 570-580.

Bahador, Z., Kasri, M. & Ibrahim, I. (2019). Penggunaan Kaedah Pengajaran Flipped Classroom dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Matematik Tingkatan 4. *Proceeding of The ICECRS 3*, hlm 1-8.

Bursa S. & Kose T.C. (2020). The effect of flipped classroom practices on students' academic achievement and responsibility levels in social studies course. *Turkish Online Journal of Distance Education, 21*(4), 143-159.

Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan.* Mcgraw-Hill Education.

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2017). *Research Methods in Education.* Routledge.

Dahalan, S. C. (2020). *Keberkesanan Moduk KPSA-21 terhadap Pengetahuan dan Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Serta Empati Sejarah.* [Tesis Dr. Fal yang tidak diterbitkan]

Emparan, E., Radhiah, R. & Baki, R. (2019). Meneroka Penggunaan Teknik Flipped Classroom dalam Pengajaran Kemahiran Menulis. *International Journal of Education and Training, 5*(1), 1-8.

Erdogan, E. & Akbaba, B. (2018). Should We Flip the Social Studies Classrooms? The Opinions of Social Studies Teacher Candidates on Flipped Classroom. *Journal of Education and Learning, 7*(1), 116-124.

Erol, S. A. N. (2019). Using the Flipped Classroom Model in the History Course: A Learning Experience. *International Journal of Educational Methodology, 6*(1), 113 - 121.

Hanif, M. (2020). Komunikasi synchronous dan asynchronous dalam e-learning pada masa pandemic Covid-19. *Jurnal NOMOSLECA, 6*(2), 146-158.

Isaias P. (2018). Flipping your classroom: A methodology for successful flipped classrooms. *Journal CELDA, 12*(2), 134-144.

Jaafar, S. A. & Noor, M. A. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di Sekolah-Sekolah di Malaysia, 1957-1989. *Jurnal Sejarah, 25*(2), 40-57.

Kaviza, M. (2019). Kesan Kaedah Flipped Classroom dengan Teknik Peer Instruction Terhadap Kemahiran Berfikir Kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities*, *16*(5) 1-12.

Kaviza, M. (2020). Hubungan Penerapan Elemen Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Mata Pelajaran Sejarah dalam Kalangan Murid. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 7*(1), 30-38.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran.* Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum standard sekolah menengah Sejarah: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tingkatan 4 dan 5.* Kementerian Pendidikan Malaysia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lage, M.J., Platt, G. J. & Tregila, M. (2000). Inverting the classroom: A gateway to creating an inclusive learning environment. *The Journal of Economic Education 31(1)*, 30-43.

Latif, S. A. W., Matzin, R., Jawawi, R., Mahadi, M. A., Jaidin, J. H., Mundia, L. & Shahrill, M. (2017). Implementing the Flipped Classroom Model in the Teaching History. *Journal of Education and Learning 11(4)*, 373-380.

Mahzan, M., Razaq, A. & Syazwani, N. (2019). Penggunaan Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Pada Abad Ke-21 Dan Hubungannya Dengan Minat Belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 55-66 .

Masri, M. F & Mohamod, Z. (2020). Keberkesanan Kaedah Flipped Classroom Dalam Meningkatkan Kemahiran Mengolah Isi Karangan Murid-Murid Sekolah Rendah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies, 6*(1), 189-203.

Missildine, A, Fountain, C. Summer, D., & Gosselin, W. (2013). Flipping the Classroom to Improve Student Performance and Satisfaction. *Journal of Nursing Education, 52*(10), 597-599.

Mupin, M., Awang, M. M., Ahmad, A. R., Ahmad, A. & Dahalan, S. C. (2019). The Mastery of HOTS of History Learning Amongst Pupils in Rural Area. *Social Sciences, Education and Humanities, (2)*, 114-119.

Nanang, J., Rahman, S. & Surat, S. (2021). Motivasi Menggunakan E Pembelajaran dan Pencapaian Sejarah dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(1), 454-464.

Ofianto & Ningsih, T. Z. (2021). Development of Students' Historical Thinking Skills Through the Project-Based Learning Model. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 10*(2), 615-624.

Olufemi, O.T., Adediran, A.A. & Oyediran, W.O. (2018). Factors Affecting Students' Academic Performance In Colleges Of Education In Southwest, Nigeria. *British Journal of Education, 6*(10), 43-56.

Parimaladevi, P & Ahmad, A. (2019). The implementation of Higher-Level Thinking Skills (HOTS) in History Education. *Social Science Education and Humanities 2*, 216-220.

Puteh, S. N., & Meerah, S. M. (2011). Cabaran dan Isu dalam Perancangan dan Pembangunan Kurikulum Persekolahan di Malaysia: Satu Analisis Refleksi. *Jurnal Pendidikan*, 1-15.

Rahmelina, L., Firdian, F., Maulana, I. T. & Aisyah, H. (2019). The Effectiveness of the Flipped Classroom Model Usinf E-learning Media in Introducction to Information Technology Course. *iJET, 14*(21), 148-162.

Rifin, F., Ahmad, A. & Othman, N. (2021). Kompetensi Guru dalam Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Pendidikan Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 6*(1), 194-205.

Salleh, M. P. (2016). *Model Pengajaran M-Pembelajaran Berasaskan Kaedah Inkuiri Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Menengah* [Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya].

Schraw, G., McCrudden, M. T., Lehman, S., & Hoffman, B. (2011). *An overview of thinking skills.* Information Age.

Talib, N. S. A., Awang, M. M., Ghani, K. A. & Yusuff, N. A. (2019). Penggunaan multimedia dalam mata pelajaran sejarah. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities, 2*(2), 76-88.

Tamdjis, M. F. & Ahmad, A. (2017). Penggunaan Peta Pemikiran I-think terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar dalam Pendidikan Sejarah. *Internatioonal Coference on Global Education*, 2774-2788.

Usha, N. & Vijayaletchumy, S. (2019). Strategi Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid Sjk(T). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 36-52.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Wiersma, L. D. (2008). The schedule has been tough but we think it's worth it": The joys, challenges, and recommendations of youth sport parents. *Journal of Leisure Research 40(4)*, 505-530.

Wijayasari, E., Kurniawati & Winarsih, M. . (2020). Challenge of history teacher in teaching and learning Higher Order thinking Skills (HOTS). *Paramita: Historical Studies Journal, 30*(1), 36-45.

Yusof, K. & Halim, N. D. A. (2019). Penggunaan Aplikasi Web 2.0 dan Pelaksanaan Model "Flipped Classroom" Dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia 1*, 17-26.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).